

MENUJU FASA KEMATANGAN POLITIK



Lawatan perdana menteri dan timbalannya ke HKL mengundang pelbagai reaksi daripada rakyat di negara ini.



Frasa "kematangan politik" agak sering disebut oleh ahli-ahli politik dan pembicara politik. Kenyataan klise bahawa "rakyat sekarang sudah matang" ialah bentuk positif frasa tersebut. Oleh sebab kerap disebut dan menjadi klise, makna kematangan itu sudah lemah dan tidak dipedulikan. Selain mengatakan rakyat matang, sebutan bahawa ahli politik itu matang dan yang lain tidak matang, kedengaran di sana sini tanpa penetapan pengertiannya.

Oleh sebab kita mengamalkan demokrasi, kematangan politik amat berkaitan dengan keupayaan memilih parti dan pemimpin yang berkebolehan mentadbir negara. Setiap rakyat berpeluang mengundi di kawasan masing-masing. Pada hakikatnya setiap seorang berpeluang mengundi seorang wakil parlimen dan seorang wakil Dewan Undangan Negeri. Dalam sistem politik kita, tiada rakyat yang berpeluang untuk terus mengundi bagi menentukan calon perdana menteri.

Pengetahuan tentang sistem politik akan membantu mempertingkatkan kematangan politik. Pada tahap inilah kita perlu mentafsirkan makna kematangan politik itu. Kematangan politik ialah persediaan yang cukup untuk menghadapi hujah yang politikal, tanpa merasakan pandangan yang bertentangan adalah jahil, karut dan jahat. Dengan kata lain, kematangan politik ialah keadaan

minda yang terbuka untuk menerima pandangan politik yang berbeza, serta bersedia untuk menerima hujah yang baik biarpun tidak sealiran dengan hujah sendiri.

Sikap membenci yang berlebihan terhadap seseorang ahli politik, atau sesuatu parti politik, sememangnya tidak dikehendaki. Sanjungan yang berlebihan terhadap tokoh tertentu juga tentunya tidak sejalan dengan kematangan politik. Demikian juga halnya dengan tanggapan bahawa sesuatu parti politik itu sempurna. Sikap membenci dan menyanjung tokoh politik selalunya berjalan serentak bagi dua pihak. Kebencian dan penyanjungan itu tidak matang. Pada masa makalah ini ditulis, ada anggapan daripada satu pihak bahawa ahli politik tertentu keterlaluan negatifnya, pada masa yang sama tokoh itu juga dianggap terlalu baik, hebat dan berjasa oleh pihak yang lain. Pihak yang beranggapan negatif memberikan gelaran-gelaran buruk kepada ahli politik yang berkenaan, misalnya dikatakan "lanun" atau "penyamun", manakala yang menyukainya mengatakan tokoh yang sama bertaraf dunia, bahkan laksana "wali." Keadaan ini menunjukkan penanda ketidakmatangan politik dalam hal membuat penilaian.



Kedua-dua tokoh ternama ini kembali berdamai selepas perang dingin hampir dua dekad.

Adalah sia-sia jika seseorang itu memaparkan rasa benci yang keterlalu kepada mana-mana pemimpin. Jika pemimpin itu menjadi calon di tempat lain, bukan kawasan si pembenci, lebih besarlah kesia-siaannya. Pemimpin itu tetap akan menang jika disukai oleh sebahagian besar pengundi di kawasannya. Rasa benci yang disuarakan di kedai-kedai kopi dan di kawasan lain tidak akan berkesan.

Untuk mencapai kemenangan dalam pilihan raya, tiada juga gunanya seseorang pemimpin disokong kuat oleh orang yang mengundi di luar kawasannya. Pujian di gerai-gerai nasi lemak atau di kawasan lain adalah sia-sia jika di kawasannya sendiri dia dipandang serong. Memang terdapat menteri atau timbalan menteri yang terkenal di banyak tempat, tetapi tidak popular di kawasannya sendiri. Keputusan pilihan raya terkadang mengejutkan kita apabila seseorang ahli politik itu kalah, sedangkan di tempat sendiri para pengundi menganggap kekalahannya wajar.

Jika keadaan atau kenyataan di atas difahami, maka kecenderungan memaki hamun atau menyanjung melambung seseorang yang berada di luar kawasan tidaklah jadi berlebihan. Ketidakesetujuan pengundi terhadap pemimpin hendaklah diterjemahkan melalui pengundian, bukan mengeluarkan kata-kata kesat, seperti penipu, penjenayah dan berbagai-bagai gelaran yang akhirnya memberikan pengaruh yang buruk kepada masyarakat. Kebiasaan menggunakan kata-kata

negatif yang kekal akan menyebabkan masyarakat kita tebal dengan sikap mencemuh dan menuduh seseorang tanpa bukti yang kukuh.

Untuk melangsungkan kedudukan, seseorang perdana menteri mestilah menang di kawasan parlimennya sendiri. Jika dia kalah, jawatannya hilang. Dalam sejarah Malaysia, belum terjadi perdana menteri kalah di tempat sendiri. Oleh itu, maki hamun terhadap perdana menteri – jika berlaku – adalah sia-sia. Di sekitar kita, suara cemuhan terhadap pemimpin kedengaran di sana sini, padahal pihak yang mengamalkan maki hamun itu tiada kaitan dengan tempat yang diwakili oleh pemimpin berkenaan. Suatu ketika dahulu, perdana menteri dimaki hamun, namun pada masa kini hal yang sama juga berlaku. Setelah perdana menteri menamatkan tugasnya, beliau tidak lagi dimaki hamun. Jika fenomena ini tidak berubah, kita akan terus “letih” dalam putaran *Sisyphus*, iaitu kita berusaha menolak bongkah ke puncak gunung, kemudian bongkah itu bergolek turun ke kaki gunung, dan kita menolaknya ke atas semula. Maksudnya, zaman maki hamun pastinya berakhir apabila seseorang perdana menteri meletakkan jawatan, dan akan bermula sebaik-baik saja perdana menteri yang baharu memulakan tugasnya.

Struktur politik Malaysia menentukan bahawa pengundi berhadapan dengan pemimpin di kawasan masing-masing. Jika pemimpin itu disukai banyak

orang, dia akan menang. Jika parti meletakkan calon yang tidak oleh disukai masyarakat setempat, parti itu akan kalah. Oleh itu, jika seseorang menjadi calon dalam pilihan raya, anggaplah dia menawarkan diri untuk berkhidmat dan berjasa. Seperti yang disebutkan oleh Dr. Azizan Bahari, pensyarah Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), walaupun seseorang mewakili parti apa sekali pun, jika menang dia wajib berbakti sebagai wakil rakyat. Penerimaan hakikat ini tanpa mengaitkan dengan “permusuhan” antara parti ialah penanda kematangan.


Ketika makalah ini ditulis, akhbar dan media lain menyiarkan peristiwa Dato’ Mohd Najib Tun Abd Razak melawat tokoh pembangkang, iaitu Datuk Seri Anwar Ibrahim yang sedang sakit. Lawatan itu keesokannya diikuti oleh lawatan Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, timbalannya. Pelbagai reaksi dikemukakan oleh pelbagai pihak, kerana selama ini amat besar jumlah rakyat yang percaya bahawa lawatan begitu tidak mungkin berlaku. Hanya orang yang betul-betul matang dalam politik akan mengatakan lawatan sebagai tanda persahabatan itu adalah biasa.

Ahli drama yang menghasilkan skrip “Obsesi”, Sharif Shaary, berkali-kali menyebutkan bahawa hanya yang mustahil akan mustahil selama-lamanya. Dalam politik, peristiwa lawatan begitu, dan peristiwa pertemuan Tun Dr. Mahathir dengan Datuk Seri Anwar beberapa bulan sebelumnya, ialah penanda bahawa penerimaan perbezaan pegangan politik adalah wajar. Elok disebutkan bahawa ketiga-ketiga

Apakah yang mereka mahukan?

orang tokoh yang bertemu baru-baru ini, iaitu Datuk Seri Anwar, Dato’ Sri Mohd Najib Tun Abd Razak dan Datuk Seri Dr. Zahid Hamidi ialah mantan-mantan Ketua Pemuda UMNO. Hal ini perlu ditanggapi dengan saksama. Mereka bukan sahaja dapat berbicara tentang hal-hal peribadi, malah turut dapat menyebutkan perihalan masa depan UMNO dalam nada bicara yang mesra.

Reaksi yang berlebih-lebihan tentang pertemuan tokoh-tokoh politik itu merupakan penanda kurangnya kematangan politik. Namun, ada jawapan lain. Reaksi itu mungkin diiringi tujuan politik. Setengah orang yang membawa raga ideologi tersendiri akan menganggap atau mengagak bahawa pertemuan itu





Pemimpin muda mampu menarik perhatian golongan atas pagar.

ialah penanda bahawa penyatuan antara pihak yang bertentangan sedang diusahakan. Kupasan demikian ada kemunasabahannya, kerana pemimpin politik yang mengunjungi dan yang menerima kunjungan tidak sentiasa merupakan musuh (*rival*) politik.

Dalam hal mencari ketepatan ulasan politik, seseorang boleh mempelajarinya daripada ulasan sastera. Watak dalam novel perlu ditafsirkan, demikian juga watak ahli politik yang berdarah daging. Tiada sesiapa yang tahu makna sesuatu tindakan seseorang, melainkan diri orang yang berkenaan sendiri. Oleh itu, adalah wajar kita mengikuti saranan orang bijaksana, iaitu kita hendaklah memberikan tumpuan terhadap hasil, bukan terhadap proses dan gaya berpolitik setiap ahli politik. Proses ialah tindakan yang sering ditafsirkan, manakala hasil ialah harapan sebenar sesiapa yang terlibat dalam politik.

Menjelang pilihan raya, terlalu banyak kisah yang kita dengar. Peristiwa yang kecil diperbesar dan diiringi gambar. Apabila ditafsirkan, gambar berkisah melebihi perkataan. Oleh sebab pengaruh gambar (melalui mata) amat kuat, maka terdapat pula kegiatan memanipulasi gambar tersebut. Sebahagian daripada kegiatan memanipulasi gambar ini adalah strategi politik. Dalam politik, soal moral atau etika sering diketepikan orang. Bagi orang biasa, manipulasi

yang memalukan satu-satu pihak dianggap tercela, tetapi pengamal “matlamat menghalalkan cara” tidak menghiraukan tentang perkara itu. Mereka mengharapkan hasil melalui perlawanan kecerdikan yang tidak dibatasi moral.

Kecerdikan dalam politik tidak dapat ditelah dengan mudah. Jika kita perhatikan tindakan-tindakan politik yang kelihatan murahan, kita selalunya terdorong mengatakan ahli politik yang berkenaan tidak cerdik. Ada kenyataan politik yang mengatakan bahawa harga minyak perlu dinaikkan untuk mengurangkan kemalangan jalan raya. Adakah idea begitu terlalu murahan? Adakah tokoh itu mengorbankan imejnya melalui pencarian publisiti sedemikian? Jawapan untuk itu ialah kenyataan sedemikian ada kecerdikannya, biarpun tidak popular. Tokoh tersebut sebenarnya melukiskan banyaknya kereta di Malaysia, sebagai pernyataan simbolik yang mengiktiraf bahawa rakyat Malaysia mampu dan kaya. Dia mungkin mahu mencanggahi tuduhan bahawa rakyat Malaysia miskin dan tertindas. Maksudnya, kereta terlalu banyak di atas jalan raya, maka perlulah dikurangkan dengan cara menaikkan harga minyak.

Adalah daif untuk menyokong kenaikan harga minyak, tetapi demikianlah permainan bahasa dalam politik. Segi kecerdikan ahli politik selalu tidak



terbaca oleh orang yang berada di luar gelanggang politik. Perlakuan ahli politik berada di dalam perancangan mereka, dan setiap pemerhati akan membuat penilaian. Dalam hal membuat penilaian, kadang-kadang perancangan itu difahami, dan kadang-kadang tersalah tafsir sehingga muncul kontroversi yang berpanjangan.

Pada awal bicara ini, penulis sebutkan bahawa kata-kata “rakyat sekarang sudah matang” ialah sesuatu yang klise. Anggapan klise itu tidaklah bererti bahawa pada hakikatnya rakyat tidak pernah matang. Soal klise bukanlah soal kebenaran atau penipuan, tetapi kebosanan. Tanpa memuji bahawa rakyat matang dan cerdik, kemenangan satu-satu pihak dapat dicapai jika

antara lain, budi dicurahkan. Masyarakat Malaysia amat akrab dengan aforisme “budi yang baik dikenang juga”. Oleh itu, dalam hal mencari pengaruh, hutang budi diambil kira. Hal ini juga merupakan nilai di negara lain di sekitar kita. Di Filipina terdapat aforisme *utang na loob* yang bermakna hutang budi. Soon Chuan Yen menyebutkan bahawa hutang budi ialah satu unsur dalam budaya politik Filipina. Oleh itu, bukanlah satu kesilapan bagi pihak rakyat jika mereka amat menghargai program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BRIM), iaitu sebagai satu program pencurahan budi.

Pemimpin politik yang matang akan berusaha mencari segi-segi harapan rakyat, lantas dipenuhinya. Rakyat yang matang pula tahu menilai kemungkinan tercapainya harapan mereka jika seseorang calon dan sesebuah parti politik itu memenangi pilihan raya. Caciian, cercaan dan maki hamun tidak akan berada pada fikiran pemimpin dan rakyat yang matang, kerana tingkah demikian tidak memberikan faedah, sebaliknya merosakkan hubungan silaturahim yang seharusnya dijaga. 🇲🇾

